

**SOALAN NO: 525**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: BERTULIS**

**DARIPADA: Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID**

**SOALAN:**

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan tindakan terhadap syarikat yang mematikan hak kesatuan (Union Busting).**

**PR-1323-T64280**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di Pertua,**

1. Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (Akta 177) memperuntukkan perlindungan terhadap hak-hak pekerja, majikan dan kesatuan sekerja. Pihak terbabit boleh melaporkannya kepada Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan di bawah Seksyen 8, Akta 177 sekiranya terdapat pelanggaran hak-hak pekerja, majikan dan kesatuan.
2. Aduan akan disiasat melalui sesi rundingan damai dan sekiranya tiada penyelesaian dicapai, ianya akan dirujuk kepada Y.B Menteri Sumber Manusia dan kes-kes yang dirujuk akan diputuskan di Mahkamah Perusahaan.

3. Di bawah sub seksyen 59(1) APP 1967, ianya turut memperuntukkan perlindungan terhadap pekerja-pekerja. Pelanggaran terhadap seksyen ini boleh dikenakan hukuman penjara tidak melebihi setahun atau denda tidak melebihi RM 2,000.00 atau kedua-duanya sekali kepada mana-mana orang yang didapati bersalah melanggar peruntukan tersebut.
4. Oleh yang demikian, mana-mana kesatuan sekerja yang merasakan mereka dianiaya oleh majikan mereka, mereka perlu dengan segera membuat laporan ke Jabatan Perhubungan Perusahaan untuk diambil tindakan sewajarnya di bawah Akta Perhubungan Perusahaan 1967.

**Berikut adalah bilangan kes yang dilaporkan di bawah Seksyen 8 bagi tempoh 3 tahun:**

PERKARA	2011	2012	2013
Kes Yang Dilaporkan	10	3	7

*Sumber : Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia, Kementerian Sumber Manusia.*